

SEJARAH ANTANOM PAHLAWAN ANAK RIMBA BERJIWA BESAR

PUSAT KEBUDAYAAN MURUT



Tempat ini merupakan tempat yang memaparkan seni bina ,kebudayaan serta tradisi suku kaum Murut iaitu suku kaum etnik yang paling ramai menduduki Daerah Tenom.Terdapat banyak bahan bersejarah yang di pameran di tempat ini .Untuk masuk ke tempat ini yuran Rm5.00 dikenakan kepada orang dewasa.Manakala pelajar pula di kenakan bayaran Rm3.00.



REPLIKA KOPI

Replika kopi ini terletak di pekan tenom. Replika ini sebagai simbol bahawa di daerah tenom adalah pengeluar kopi di negeri sabah. Replika ini di letakkan ditengah-tengah pekan Tenom

Ramai pelancong dalam dan luar negara datang ke daerah tenom untuk mencuba rasa kopi yang sedap dan ada yang juga membeli untuk dibawa pulang sebagai hadiah atau buah tangan.

Nama sebenar Ontoros anak lelaki Antanom Ketua kaum Murut di Rundum

Dilahirkan pada tahun 1875 Ketika beliau berusia 30 tahun Antanom telah memimpin orang Murut menentang british yang menindas kaumnya



TUGU ANTANOM

Forktor penentangan

Pada Februari 1915 Peristiwa Penentangan suku kaum murut kepada British yang di pimpin oleh **Antanom**. Punca penentangan ini disebabkan British mengambil tanah orang murut dan Mengenakan Cukai yang membebaskan kepada kaum murut. Orang murut dijadikan buruh paksa untuk membina jalan di pedalaman dan memasang kawat telegraf antara tenom dan rundum.

Kesan Penentangan

British mengenakan tindakan tegas terhadap pengikut Antanom 8 orang kanan Antanom dibuang daerah ke Kudat Pengikut-pengikut yang lain menjadi buruh paksa memasang kawat telegraf dari Kimanis hingga ke Keningau mengarahkan orang Murut bersumpah taat setia bagi mengelakkan kebangkitan seterusnya Orang Murut berpindah ke pedalaman Kalimantan



PELANCONGAN



MAJLIS DAERAH TENOM

Peti Surat 114, 89907 Tenom, No. Tel : 088-735553, No. Fax : 087-736

Laman Web : <http://www.sabah.gov.my/md.tnm>


TEMPAT-TEMPAT MENARIK DAERAH TENOM

TAMAN PERTANIAN LAGUD SEBRANG, TENOM



Taman Pertanian Sabah atau lebih dikenali sebagai Taman

Pertanian Lagud Seberang ini terletak di Daerah Tenom kira-kira 10 km dari Pekan Tenom. Di taman ini terdapat pelbagai jenis spesies tumbuhan, serangga, burung & haiwan liar yang boleh menjamu pandangan pengunjung. Menariknya taman dengan keluasan 200 hektar ini bertolak belakang banjaran crocker iaitu banjaran terpanjang di Malaysia. Boleh di lihat dengan jelas terutama sekali kalau kamu rajin mendaki anak tangga di 'Observation Tower' yang ada di sediakan di dalam taman



AIR TERJUN KALLANG

Air Terjun Kallang ini merupakan tarikan pelancongan sama ada dari luar atau dalam Daerah ini. Air terjun kallang ini terletak di kampung kallang lebih kurang 7km dari pekan tenom. Air Terjun Kallang ini terletak di Kampung Kallang, Tenom. Air terjun ini sangat menarik dengan bentuk alam yang semulajadi dengan air yang jernih, bersih dan sejuk.

Air terjun Kallang ini berketinggian 10 meter dan kedalaman 1.2 meter selain sungai terbentang luas yang dingin dan disebabkan itu lah sesuai dengan aktiviti berkelahan.



SUNGAI PADAS (White Water Rafting Padas River)

Sungai Padas terletak di pedalaman bahagian barat daya Kota Kinabalu yang hanya boleh diakses dengan kereta api (digunakan sejak abad ke-19 di Borneo).

Di Daerah Tenom juga terdapat aktiviti rafting yang berlokasi di sungai Padas, Tenom. Untuk sampai ke lokasi ini, kamu perlu menaiki keretapi dari stesen keretapi Tenom ke stesen Pangi dan mengambil masa lebih kurang 40 minit perjalanan. Perlu di ingatkan, aktiviti ini adalah berbentuk pakej.